



Headline: RM72 juta kes tipu di Selangor  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 29 December 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 18

# RM72 juta kes tipu di Selangor

**Kes penipuan pinjaman tidak wujud catat jumlah kes paling tinggi**

NORHAFIZA MUSA

SHAH ALAM

**K**es jenayah komersial penipuan melibatkan kes pinjaman tidak wujud, e-dagang, Macau Scam dan Love Scam di Selangor sejak Januari hingga 26 Disember lalu mencatatkan 2,141 kes dengan nilai kerugian hampir RM72 juta.

**726 kes**  
Pinjaman pinjaman

**621**  
e-Dagang

**495**  
Macau Scam

**299**  
Love Scam

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor, Asisten Komisyoner Fazlisyam Abd Majid berkata, berdasarkan pecahan, kes penipuan pinjaman tidak wujud mencatatkan jumlah paling banyak dengan 726 kes diikuti e-Dagang (621), Macau Scam (495) dan Love Scam (299).

Menurutnya, sindiket terbabit didapati menyamar sebagai pegawai bank, polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa penguatkuasa lain dan bijak mengeksploitasi keadaan bagi memperdayakan mangsa.

“Polis mengingatkan orang ramai jangan mudah percaya sekiranya menerima panggilan daripada orang yang tidak dikenali walaupun mereka memperkenalkan diri sebagai penguat kuasa dan sebagainya.

“Ini bukan prosedur kerja agensi penguatkuasa. Sebab itu kenali dengan siapa anda berkomunikasi,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Fazlisyam berkata, orang ramai perlu membu-



**Ini bukan prosedur kerja agensi penguatkuasa. Sebab itu kenali dengan siapa anda berkomunikasi.”**  
- Fazlisyam

at semakan lanjut sekiranya was-was dan jangan terlalu mudah mengikut arahan individu terutama membatalkan nombor akaun dan pemindahan wang.

“Selain itu, orang ramai boleh melayari laman sesawang PDRM untuk mendapatkan info terkini mengenai modus operandi penipuan,” katanya.

## TIPU PANGGILAN

**1 PENIPU**  
Menghubungi mangsa menggunakan teknologi voice over internet protocol (VOIP)  
**PENYAMARAN PDRM / Mahkamah / Kastam / Bank Negara / bank**

**2 MANGSA**  
Mangsa akan dimaklumkan bahawa mereka mempunyai masalah dengan pihak berkuasa/bank  
Suspek akan memastikan mangsa ketakutan kerana akan berdepan tindakan undang-undang & kehilangan wang  
Mangsa yang terpedaya akan menyerahkan semua maklumat kewangan

**3 PEMINDAHAN**  
Setelah berpuas hati dengan semua maklumat kewangan mangsa, suspek akan memberi arahan supaya mangsa memindahkan wang ke akaun pihak ketiga atau akaun mangsa sendiri yang mana suspek mempunyai kawalan keatas akaun tersebut

Sumber: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Infografik Bernama